

SULIT1225/1

Nama :

Tingkatan :

NO.KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**Peperiksaan Percubaan
PENDIDIKAN MORAL
Kertas 1**

1225/1

2 1/2 jam

Dua jam setengah sahaja

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B**
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua soalan** daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.
5. Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
	5	10	
	6	10	
	7	10	
	8	10	
B	9	10	
	10	10	
	11	10	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

Bahagian A
[80 markah]
Jawab **semua** soalan



1 Anda mendapati Andrew gemar memakan makanan segera dan minuman bergas serta kurang mengamalkan pemakanan yang seimbang. Andrew mengalami masalah berat badan yang semakin bertambah dan obesiti.

(a) Andrew harus mengamalkan nilai kesederhanaan.

Berikan maksud nilai kesederhanaan berdasarkan sikap Andrew seperti dalam situasi di atas.

[2 markah]

.....
.....

(b) Ramalkan kesan yang akan berlaku jika Andrew terus mengamalkan cara pemakanan yang tidak seimbang. [2 markah]

.....
.....

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah bentuk amalan pemakanan Andrew sekiranya dia mempunyai pengetahuan tentang penjagaan kesihatan diri? [4 markah]

i.

.....

ii.


.....

(d) Selain mengamalkan pemakanan yang sihat, apakah tindakan anda untuk membantu Andrew menjaga kesihatan diri? (2 markah)

.....

.....

2 Berikut adalah tarian semasa perayaan yang disambut di Sabah dan Sarawak.



(a) Namakan jenis perayaan di atas. [2 markah]

- i
- ii

(b) Jelaskan kepentingan amalan tradisi kekeluargaan kepada masyarakat setempat [4 markah]

- i.
- ii.

(c) Jelaskan cara-cara individu dapat membantu mengekalkan tradisi kekeluargaan kaum sendiri. [4 markah]

- i.
- ii.
- iii.

3.

Gambar sebelah menunjukkan pelajar SMK Kulai Besar sedang mengumpul bahan kitar semula untuk program kitar semula.



- (a) Selain nilai rasional dan bertanggungjawab, jelaskan **dua** nilai lain yang diamalkan oleh warga sekolah seperti gambar di atas. [4 markah]
 - i.
 - ii.

- (b) Program seperti di atas bukan hanya menjadi tanggungjawab pihak sekolah, tetapi harus dipikul oleh semua pihak. Huraikan peranan yang boleh dimainkan oleh golongan berikut dalam membantu merealisasikan program tersebut.
 - i. Pengguna [2markah]
.....
 - ii. Pengeluar [2markah]
.....

- (c) Senaraikan **dua** hasil kraftangan yang boleh dihasilkan daripada bahan kitar semula [2markah]
 - i.
 - ii.

4 Keratan akhbar di bawah menunjukkan kejayaan atlet OKU Malaysia.



PUTRAJAYA 21 Dis. -Kejayaan tiga atlet paralimpik negara dalam Sukan Paralimpik di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun lalu bukan sahaja membuka mata pelbagai pihak mengenai keistimewaan dimiliki mereka, malah turut memberi harapan baharu kepada murid-murid pendidikan khas.

Kejayaan tiga atlet paralimpik iaitu Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, Muhammad Ziyad Zolkefli dan Abdul Latif Romly meraih pingat emas dalam temasya itu membuka mata ibu bapa anak-anak di sekolah pendidikan khas untuk menceburkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum.

- (a) Apakah perasaan golongan kurang berupaya apabila kejayaan mereka diiktiraf oleh kerajaan. Beri alasan berdasarkan satu nilai murni yang anda pelajari. [5 Markah]

.....

.....

.....

.....
- (b) Nyatakan bentuk pengiktirafan lain yang boleh diberikan kepada golongan OKU yang mencipta kejayaan untuk negara. [2 Markah]
 - i.
 - ii.
- (c) Jelaskan bentuk latihan yang boleh diceburi oleh OKU untuk melayakkan mereka memasuki pasaran pekerjaan. [2 markah]

.....

.....
- (d) Berikan rumusan berkaitan semua maklumat di atas. [1markah]

.....

.....

5 Dialog berikut ialah luahan perasaan wanita yang dwikerjaya..

Wanita A : Wanita sukar meningkatkan kerjaya mereka berbanding dengan kaum lelaki

Wanita B : Masih wujud diskriminasi daripada aspek upah antara pekerja lelaki dan wanita bagi nilai kerja yang sama

Wanita C : Suasana kerja ada kalanya menyukarkan wanita yang berumah tangga untuk menyeimbangkan antara tanggungjawab terhadap keluarga dan kerjaya

Wanita D : Apabila anak saya sakit, saya yang selalunya mengambil cuti untuk menjaga anak di rumah. Hal ini telah menyebabkan penilaian prestasi tahunan saya terjejas.

(a) Apakah perasaan anda selepas membaca luahan perasaan 4 wanita di atas ?
Beri alasan anda. [4 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

(b) Berdasarkan situasi di atas, huraikan dua nilai yang harus diamalkan oleh majikan untuk menangani permasalahan di atas. [4 markah]

i.

.....

ii.

.....

(c) Nyatakan kemudahan kebajikan yang boleh disediakan oleh majikan kepada pekerja wanita. [2]

.....

.....

6 Petikan akhbar berkaitan aktiviti penyeludupan.



Sindiket penyeludupan hidupan liar tumpas, rampasan RM1 juta

ZULKIFLI ABDULLAH (dua kiri) menunjukkan antara tulang dan bahagian hidupan liar yang dirampas dalam serbuan di Johor Jaya dan Ulu Tiram pada 12 Julai lalu, dalam sidang akhbar di IPD Seri Alam, Johor Bahru, Johor, sebentar tadi.

UTUSAN ONLINE

(a) Pada pandangan anda, apakah sebab berlakunya kegiatan penyeludupan. [3 markah]

.....

.....

.....

(b) Senaraikan contoh barangan yang sering diseludup. [2 markah]

i.

ii.

(c) Ramalkan akibat jika kegiatan penyeludupan tidak dikawal berdasarkan **satu** nilai murni yang telah anda pelajari. [4 markah]

.....

.....

.....

.....

(d) Namakan Akta untuk membanteras kegiatan penyeludupan di Malaysia. [1 markah]

.....

7 Jawab soalan berdasarkan keratan akhbar di bawah.

KUALA LUMPUR 22 Mac - Beliau berkata hubungan Malaysia dan China pada masa ini adalah amat akrab, membabitkan pelbagai aspek, pelbagai peringkat dan tradisi kepercayaan bersama dalam memanfaatkan peluang dan kesejahteraan terus menjadi teras hubungan, yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

"Kedua-dua negara kita telah membuktikan kepada satu sama lain bahawa kita adalah jiran yang baik, rakan baik dan rakan kongsi baik yang telah mengharungi pahit manis bersama-sama," katanya dalam ucapan pada majlis sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara China dan Malaysia di sini malam ini.

Sinar online

(a) Berdasarkan nilai murni yang anda pelajari, jelaskan kebaikan hubungan dagangan Malaysia dengan Negara China. [4 markah]

.....

.....

.....

.....

(b) Sebagai pemimpin negara, bagaimanakah anda dapat mengekalkan hubungan diplomatik dengan negara luar ? [3 markah]

.....

.....

.....


(c) Wajarkan rakyat Malaysia menyokong kerajaan mengadakan hubungan dagangan dengan Negara China. Berikan hujah anda. [3 markah]

.....

.....

.....

8 Petikan di bawah berkaitan dengan SUHAKAM.

	<p>SUHAKAM</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Menyasat aduan kes pelanggaran hak asasi rakyat di Malaysia ● Mengemukakan syor yang berkaitan dengan hak asasi untuk kebaikan rakyat Malaysia. ● Memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubung dengan hak asasi manusia. ● Menasihati dan membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan serta tatacara pentadbiran ● Melawat tempat tahanan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang.
---	--

(a) Berikan nama penuh SUHAKAM. [1 markah]

.....

(b) Nyatakan nilai-nilai yang diamalkan oleh SUHAKAM untuk melindungi hak asasi manusia. [2 markah]

i.

ii.

(c) Berikan salah satu definisi nilai di (b). [2 markah]

.....
.....

(d) Selain SUHAKAM, berikan satu badan lain yang memelihara hak asasi manusia [1 markah]

.....

(e) Terangkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh SUHAKAM dalam memperjuangkan hak asasi manusia di Malaysia. [4 markah]

i.

.....

ii.

.....

Bahagian B
[20 markah]
Jawab **Dua** soalan

9 Berikut ialah contoh tempat ekopelancongan yang popular di negeri Pahang, Malaysia.



Ekopelancongan dibangunkan dengan konsep memanfaatkan alam sekitar sebagai lokasi pelancongan supaya kecantikan dan keaslian alam semulajadi dihargai. Huraikan sebab-sebab konsep ekopelancongan sesuai di negara kita berdasarkan nilai-nilai murni. [10 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....
.....

10 Jawab soalan berdasarkan pernyataan di bawah.

Menurut data yang dikumpul oleh Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO)

- Pada tahun 2017, pekerja buruh kanak-kanak berjumlah 152 juta orang dari umur lima tahun hingga 18 tahun di mana 71 % daripada mereka bekerja dalam sektor pertanian.
- Dijangkakan 121 juta kanak-kanak masih terjebak dalam permasalahan itu menjelang 2025
- Antara 152 juta kanak-kanak, iaitu 64 juta kanak-kanak perempuan dan 88 juta kanak-kanak lelaki adalah mangsa gejala buruh kanak-kanak.
- Lebih dua pertiga kanak-kanak berkenaan bekerja di ladang milik keluarga atau terbabit dalam perniagaan keluarga.

Anak merupakan amanah Tuhan kepada ibu bapa. Justeru itu, anak-anak sepatutnya disayangi, dilindungi dan dijaga dengan sempurna. Namun begitu, dewasa ini, kita mendapati ramai kanak-kanak dieksploitasi sebagai buruh.

Sebagai ahli masyarakat yang prihatin, bincangkan tindakan yang boleh diambil berdasarkan nilai-nilai murni yang anda pelajari. [10 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

.....
.....

11 Peta Buih di bawah menunjukkan Negara-negara anggota ASEAN



Negara-negara anggota ASEAN bersatu hati mengamalkan konsep ZOPFAN iaitu Zon Aman, Bebas dan Berkecuali.
Huraikan sikap yang harus diamalkan oleh negara-negara anggota bagi mengekalkan konsep tersebut.
Bincangkan jawapan anda berdasarkan nilai-nilai murni yang anda pelajari. [10 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....

.....
.....
.....
.....

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT